

## **Pragmatik: KESANTUNAN BERBAHASA**

### **1. KONSEP KESANTUNAN BERBAHASA**

- Kesantunan berbahasa melibatkan kesopanan dan kehalusan ketika berbahasa sama ada secara lisan atau tulisan.
- Kesantunan mengandungi nilai-nilai hormat, bertatasusila, dan tidak menyinggung perasaan orang lain.
- Penggunaan bahasa yang santun melambangkan kehalusan budi, sikap dan tingkah laku penutur.
- Kesantunan terlihat pada penggunaan kata sapaan/panggilan, gelaran, dan rujukan diri.

### **2. CIRI-CIRI KESANTUNAN BERBAHASA**

#### **2.1 Ungkapan Bertatasusila**

- Kata-kata yang baik, yang digunakan untuk mengelakkan orang lain berasa tersinggung, kasar, atau jijik.

##### **(a) Bahasa Halus**

- Bahasa halus = bahasa yang beradab atau sopan, seperti menjemput, memohon maaf, mengucapkan selamat, menyilakan, dan berterima kasih.

- Jemput masuk
- Maafkan saya
- Selamat pagi
- Sila duduk
- Terima kasih

##### **(b) Kiasan Pemanis**

- Kiasan pemanis = penggunaan kata berlapik untuk melembutkan tutur kata supaya tidak kasar atau menimbulkan perasaan tidak senang orang lain.

- buang air kecil (berak)
- berbadan dua (mengandung)
- orang rumah (isteri)
- meninggal dunia (mati)
- minta diri/beransur (hendak pulang/meninggalkan majlis)

##### **(c) Unsur Bahasa Arab**

- Unsur bahasa Arab digunakan sesuai dengan kaitannya sebagai bahasa asal dan bahasa utama kepada agama Islam yang menitikberatkan hal kesantunan.

- alhamdulillah
- insya-Allah
- kembali ke rahmatullah

**(d) Nada atau Intonasi dan Gaya yang Sesuai**

- Perkataan diucapkan dengan lemah-lembut dan menimbulkan kemesraan.
- Lazimnya bahagian tertentu dipanjangkan bunyinya agar kedengaran lembut dan mesra.
- Gerak tubuh disesuaikan dengan ungkapan.

**2.2 Kata Ganti Nama Diri Mengikut Konteks dan Situasi**

- Kata ganti nama diri = perkataan untuk menggantikan nama sebenar orang yang sedang bercakap, orang yang dilawan bercakap, dan orang yang diperkatakan.
- Penggunaan kata ganti nama diri menimbulkan kesopanan, kerana orang yang lebih tua dan berpangkat tidak wajar dipanggil namanya sahaja.
- Kata ganti nama diri berbeza dalam keadaan rasmi dan tidak rasmi.

<i>Jenis</i>	<i>Rasmi</i>	<i>Tidak Rasmi</i>
<b>Pertama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Beta</i></li> <li>• <i>Patik</i></li> <li>• <i>Saya</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Aku (-ku)</i></li> <li>• <i>Hamba</i></li> </ul>
<b>Kedua</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Anda</i></li> <li>• <i>Tuanku</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Awak</i></li> <li>• <i>Engkau (kau-)</i></li> <li>• <i>Kamu (-mu)</i></li> </ul>
<b>Ketiga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Beliau</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Dia</i></li> </ul>

**2.3 Bentuk Sapaan Mengikut Situasi**

- Sapaan = kata panggilan kepada seseorang berdasarkan situasi
- Digunakan dalam situasi rasmi dan tak rasmi

**(a) Sapaan Kekeluargaan Asas**

- Panggilan kepada ahli keluarga sendiri
- Selalunya panggilan diringkaskan agar lebih mesra

- *Along/long*
- *Angah/ngah*
- *Alang/lang*
- *Anjang*
- *Andak*
- *Teh*
- *Acik/cik*
- *Busu/usu/su*

### (b) Sapaan Kekeluargaan Pertalian Darah

- *Pak Long / Mak Long*
- *Pak Ngah / Mak Ngah*
- *Pak Lang / Mak Lang*
- *Pak Anjang / Mak Anjang*
- *Pak Andak / Mak Andak*
- *Pak Teh / Mak Teh*
- *Pak Cik / Mak Cik*
- *Pak Usu / Mak Usu*

### (c) Panggilan Kekeluargaan Ikatan Perkahwinan

- *Besan*
- *Biras*
- *Ipar*
- *Menantu*
- *Mentua*

### (d) Sapaan Bukan Keluarga

- Panggilan kepada orang lain yang bukan ahli keluarga sendiri

<b>Panggilan</b>	<b>Digunakan untuk</b>
<i>Pak</i>	Lelaki, kira-kira sebaya dengan ayah sendiri
<i>Mak</i>	Perempuan, kira-kira sebaya emak sendiri
<i>Datuk/tok</i>	Lelaki atau perempuan, kira-kira sebaya datuk sendiri
<i>Nenek/nek</i>	Biasanya perempuan, kira-kira sebaya nenek sendiri
<i>Abang/bang</i>	Lelaki lebih tua, tidak setua ayah sendiri
<i>Kakak/kak</i>	Perempuan lebih tua, tidak setua emak sendiri

- Kata panggilan ini biasanya disertai nama orang berkenaan, sama ada penuh atau singkatan

- *Abang Rosli*
- *Datuk Mat*
- *Kak Munah*
- *Nek Bidah*
- *Pak Mud*

### (e) Panggilan dalam Keadaan Lain

<b>Panggilan</b>	<b>Situasi Penggunaan</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• almarhum</li><li>• almarhumah</li></ul>	Kerabat diraja lelaki dan perempuan yang mangkat
<ul style="list-style-type: none"><li>• Allahyarham</li><li>• Allahyarhamah</li></ul>	Lelaki dan perempuan Islam yang meninggal dunia
<ul style="list-style-type: none"><li>• mendiang</li></ul>	Lelaki dan perempuan bukan Islam yang meninggal dunia
<ul style="list-style-type: none"><li>• anakanda</li><li>• ayahanda</li><li>• bonda</li><li>• adinda</li><li>• kakanda</li><li>• nenda</li><li>• cucunda</li></ul>	Ahli keluarga dalam surat kiriman

### 2.4 Gelaran Mengikut Situasi

- Gelaran diberikan berdasarkan beberapa faktor.

#### (a) Gelaran Keturunan/Warisan

- Diperoleh seseorang semenjak lahir, bergantung kepada keturunan keluarganya.

##### (i) Keturunan Raja yang Memerintah

<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Ku</i></li><li>• <i>Pengeran</i></li><li>• <i>Raja</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Tengku</i></li><li>• <i>Tunku</i></li><li>• <i>Ungku</i></li></ul>
---	---

##### (ii) Keturunan Orang Besar-Besar

<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Abang</i></li><li>• <i>Awangku</i></li><li>• <i>Che</i></li><li>• <i>Che Wan</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Dayang</i></li><li>• <i>Dayangku</i></li><li>• <i>Megat</i></li><li>• <i>Nik</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Pengeran</i></li><li>• <i>Tan</i></li><li>• <i>Tuan</i></li><li>• <i>Wan</i></li></ul>
---	---	---

##### (iii) Keturunan Nabi Muhammad

<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Sayid/Syed</i></li><li>• <i>Siti</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Syarifah</i></li><li>• <i>Syeikh</i></li></ul>
---	---

(iv) Keturunan dari Nusantara

- |                  |               |
|------------------|---------------|
| • <i>Daeng</i>   | (Bugis)       |
| • <i>Mas Ayu</i> | (Jawa)        |
| • <i>Raden</i>   | (Jawa)        |
| • <i>Sidi</i>    | (Minangkabau) |
| • <i>Sutan</i>   | (Minangkabau) |
| • <i>Teuku</i>   | (Acheh)       |

(b) **Gelaran Anugerah / Kurniaan**

- Gelaran yang diperoleh daripada pemerintah kerana jasa-jasa tertentu.

- |                         |   |
|-------------------------|---|
| • <i>Tun</i>            | (Kurniaan tertinggi Kerajaan Persekutuan)       |
| • <i>Toh Puan</i>       | (Gelaran kepada isteri Tun)                     |
| • <i>Tan Sri</i>        | (Kurniaan kedua tertinggi Kerajaan Persekutuan) |
| • <i>Puan Sri</i>       | (Gelaran kepada isteri Tan Sri)                 |
| • <i>Dato'/Datuk</i>    | (Kurniaan Kerajaan Persekutuan dan Negeri)      |
| • <i>Datin</i>          | (Gelaran kepada isteri Dato'/Datuk)             |
| • <i>Datuk Patinggi</i> | (Gelaran Kerajaan Sarawak)                      |

(c) **Gelaran Akademik dan Ikhtisas**

- Gelaran diperoleh kerana kejayaan tinggi dalam bidang akademik.

- |                          |                         |
|--------------------------|-------------------------|
| • <i>Cikgu</i>           | • <i>Prof. Diraja</i>   |
| • <i>Ustaz / Ustazah</i> | • <i>Prof. Emeritus</i> |
| • <i>Dr.</i>             | • <i>Prof. Madya</i>    |

(d) **Gelaran Keagamaan**

- Diberikan kepada orang yang terlibat dalam hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan.
- Digunakan dalam situasi formal dan tak formal

- |                   |                    |
|-------------------|--------------------|
| • <i>Haji</i>     | • <i>Tok Kadi</i>  |
| • <i>Hajah</i>    | • <i>Tok Lebai</i> |
| • <i>Tok Imam</i> | • <i>Tok Mudim</i> |

(e) **Gelaran Lain**

- Gelaran yang diberikan oleh institusi tertentu kerana mengenang jasa atau penghargaan khas.

- |                           |                            |
|---------------------------|----------------------------|
| • <i>Bapa Kemerdekaan</i> | • <i>Pendeta</i>           |
| • <i>Biduan Negara</i>    | • <i>Seniman Agung</i>     |
| • <i>Ibu Mithali</i>      | • <i>Sasterawan Negara</i> |
|                           | • <i>Tokoh Maal Hijrah</i> |

**(f) Gabungan Gelaran**

- Dalam gabungan gelaran, gelaran kurniaan kerajaan mendahului gelaran lain.

<b>Gabungan Gelaran</b>	<b>Contoh</b>
Kekeluargaan + keagamaan	Mak Haji, Pak Lebai, Tok Imam
Pergaulan tak bersahaja (rasmi – kecuali saudara) + keagamaan	Puan Hajah, Tuan Kadi, Tuan Imam
Kekeluargaan + keturunan	Pak Nik, Mak Ungku, Ayah Wan
Pergaulan tak bersahaja (rasmi) + keagamaan + keturunan	Tuan Haji Nik, Dato' Haji Nik
Keturunan (kecuali Nik) + keagamaan	Raja Haji, Tengku Hajah
Kurniaan kerajaan + akademik / ikhtisas + keturunan + keagamaan	Tan Sri Prof. Raja Haji..., Dato' Dr. Hajah...

**2.4 Rujukan Kehormat**

- Digunakan untuk merujuk orang bergelar, pemegang jawatan atau mempunyai kedudukan tertentu.

**(a) Rujukan Hormat Umum**

<b>Rujukan</b>	<b>Digunakan kepada</b>
<i>Tuan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lelaki berkedudukan / berjawatan tinggi</li> <li>• Lelaki bergelar Syeikh, Syed, Haji, Lebai</li> <li>• Jemputan lelaki</li> </ul>
<i>Puan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perempuan sudah berkahwin</li> <li>• Perempuan berkedudukan / berjawatan tinggi</li> <li>• Jemputan perempuan</li> </ul>
<i>Encik</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lelaki belum dikenali</li> <li>• Lelaki berkedudukan lebih tinggi daripada penutur</li> </ul>

<i>Cik</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perempuan belum dikenali</li> <li>• Perempuan belum berkahwin</li> <li>• Perempuan berkedudukan lebih tinggi daripada penutur</li> </ul>
<i>Saudara</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lelaki yang baru dikenali</li> <li>• Jemputan lelaki</li> <li>• Berkedudukan biasa atau sama taraf dengan penutur</li> </ul>
<i>Saudari</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perempuan yang baru dikenali</li> <li>• Jemputan perempuan</li> <li>• Berkedudukan biasa atau sama taraf dengan penutur</li> </ul>
<i>Yang Mulia</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yang menggunakan gelaran warisan diraja – Raja, Tengku, Tunku, Engku, dan lain-lain</li> </ul>
<i>Yang Berusaha</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua jabatan (lelaki dan perempuan) yang tidak mempunyai gelaran kurniaan</li> </ul>
<i>Yang Berbahagia</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu (lelaki dan perempuan) yang memiliki gelaran kurniaan</li> <li>• Ketua jabatan tertinggi peringkat Persekutuan</li> </ul>
<i>Yang Amat Berbahagia</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yang bergelar Tun/Toh Puan</li> </ul>

**(b) Rujukan Kehormat Diraja**

(Yang dikemukakan ini berdasarkan **Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2014** bertarikh 31 Jun 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri)

<b>Rujukan hormat</b>	<b>Digunakan kepada</b>
Seri Paduka Baginda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yang di-Pertuan Agong</li> <li>• Raja Permaisuri Agong</li> </ul>
Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sultan/Sultanah Negeri Kedah</li> <li>• Sultan/Sultanah Terengganu</li> <li>• Al-Sultan Kelantan</li> </ul>
Duli Yang Maha Mulia (DYMM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sultan/Sultanah Pahang</li> <li>• Sultan/Sultanah Johor</li> <li>• Sultan Selangor/Tengku Ampuan Selangor</li> <li>• Paduka Seri Sultan Perak/Raja Permaisuri Perak</li> <li>• Raja Negeri Perlis/Raja Perempuan Perlis</li> <li>• Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan/Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan</li> <li>• Raja Perempuan Kelantan</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• *Duli Yang Teramat Mulia</li> <li>• *Yang Teramat Mulia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Raja Muda</li> <li>• Tengku Mahkota</li> </ul> <p><i>*Hendaklah dirujuk kepada senarai daripada Penyimpan Mohon Besar Raja-Raja dari semasa ke semasa</i></p>
---	--

**(c) Rujukan Kehormat Jawatan**

*(Yang dikemukakan ini berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2014 bertarikh 31 Jun 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri)*

<b>Jawatan</b>	<b>Rujukan Kehormat</b>	
	<b>Penyandang</b>	<b>Suami/Isteri</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yang di-Pertua Negeri</li> </ul>	Tuan Yang Terutama	Yang Amat Berbahagia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perdana Menteri</li> <li>• Timbalan Perdana Menteri</li> <li>• Menteri Besar</li> <li>• Ketua Menteri</li> </ul>	Yang Amat Berhormat	Yang Amat Berbahagia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menteri</li> <li>• Timbalan Menteri</li> <li>• Yang di-Pertua Dewan Negara</li> <li>• Yang di-Pertua Dewan Rakyat</li> <li>• Ahli Dewan Rakyat</li> <li>• Ahli Dewan Undangan Negeri</li> </ul>	Yang Berhormat	Yang Berbahagia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli Dewan Negara</li> </ul>	Yang Berhormat Senator	Yang Berbahagia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Hakim Negara</li> <li>• Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan</li> <li>• Presiden Mahkamah Rayuan</li> <li>• Hakim Besar</li> <li>• Ketua Hakim Syarie</li> </ul>	Yang Amat Arif	Yang Amat Berbahagia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hakim Mahkamah Persekutuan</li> <li>• Hakim Mahkamah Rayuan</li> <li>• Hakim Mahkamah Tinggi</li> <li>• Hakim Mahkamah Syariah</li> <li>• Peguam</li> <li>• Pendakwa Raya</li> </ul>	Yang Arif	Yang Berbahagia



<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Setiausaha Negara</li> <li>• Peguam Negara</li> <li>• Panglima Angkatan Tentera</li> <li>• Ketua Polis Negara</li> <li>• Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam</li> <li>• Ketua Setiausaha Kementerian</li> </ul>	Yang Berbahagia	Yang Berbahagia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Jabatan Persekutuan</li> <li>• Penyanggand Jusa C dan ke atas</li> <li>• Mejar Jeneral</li> <li>• Timbalan Komisioner Polis dan setaraf dan ke atas</li> </ul>	Yang Berusaha	Yang Berusaha
Sahibul samahah	• Mufti	

**(d) Rujukan Kehormat Keagamaan**

*(Yang dikemukakan ini berdasarkan **Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2014** bertarikh 31 Jun 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri)*

<b>Jawatan</b>	<b>Rujukan Kehormat</b>
• Mufti	Sahibus Samahah
• Kadi Besar • Kadi	Sahibul Fadilah
• Haji	Tuan
• Hajah	Puan